

LENTERA HIKMAH NAIB CANSELOR #36

MENGUKUH TADBIR URUS, MERUBAH SIKAP

Sistem Kekal Utuh, Nilai Kita Yang Rapuh

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI dan Salam UMK4U 1 Hati 1 Jiwa.

Warga UMK yang saya hormati,

Dalam kehidupan berorganisasi, apabila sesuatu urusan tidak berjalan seperti yang dirancang, kita sering cenderung menyalahkan sistem. Kita mengatakan sistem terlalu perlahan, prosedur terlalu panjang, proses tidak praktikal, atau platform terlalu rumit. Namun, jika kita berhenti sejenak dan menilai dengan jujur, tidak semua kegagalan berpunca daripada sistem itu sendiri. Kadangkala, yang menjadi punca sebenar bukanlah kelemahan sistem atau prosedur, tetapi cara serta sikap kita dalam mengurus dan melaksanakannya.

Saya percaya bahawa sistem dan prosedur diwujudkan bukan untuk membebankan, sebaliknya untuk membimbing serta memastikan ketertiban dalam setiap urusan. Ia lahir daripada pengalaman, penambahbaikan dan komitmen pelbagai pihak bagi menjamin keadilan, ketelusan serta disiplin dalam tadbir urus. Namun, sehebat mana pun sistem dirangka dan sebaik mana pun prosedur digubal, semuanya tidak akan berfungsi dengan baik tanpa kejujuran, rasa tanggungjawab dan semangat memperbaiki diri dalam kalangan penggunanya.

DI UMK, kita bersyukur kerana memiliki pelbagai sistem dan garis panduan yang menyokong profesionalisme, kecekapan serta keberkesanan kerja. Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan, mempercepat dan menyeragamkan pelaksanaan urusan. Namun demikian, keberkesanannya tetap bergantung kepada satu elemen yang tidak dapat diprogramkan oleh mana-mana algoritma iaitu sikap manusia.

Sikap yang mahu belajar, mahu berubah, dan mahu memperbaiki diri. Sikap yang tidak mencari alasan, tetapi mencari jalan. Sikap yang melihat sistem bukan sebagai beban, tetapi sebagai rakan dalam usaha meningkatkan mutu kerja. Sebagai warga universiti, kita semua bertanggungjawab memastikan setiap sistem yang dibangunkan berfungsi dengan roh yang betul iaitu roh amanah dan khidmat. Andai kita mengendalikannya dengan sikap malas, cuai atau sambil lewa, maka punca masalah bukanlah pada sistem, tetapi pada cermin yang memantulkan diri kita sendiri iaitu sikap kita.

Justeru, saya ingin mengajak seluruh warga universiti untuk melihat sistem dan prosedur bukan sebagai halangan, tetapi sebagai cerminan nilai profesionalisme dan keutuhan integriti kita. Dengan sikap positif, kesungguhan, serta keinginan untuk terus belajar, setiap sistem yang kita gunakan akan menjadi lebih hidup, bermakna dan membawa manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas daripada,
Arham Abdullah